

16/10/1998

Hak pendakwa baca laporan

Shariffudin Mohamed

KUANTAN, Khamis - Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah, berkata semua laporan siasatan jenayah mesti dikemukakan terus kepada Pendakwa Raya, bukan pegawai lain atau menteri.

Katanya, ini ditetapkan dalam undang-undang dan wajar dipatuhi.

Bercakap selepas merasmikan Kamar Timbalan Pendakwa Raya (DPP) di Mahkamah Tinggi, di sini, petang ini, beliau berkata, sesiapa pun tidak boleh mengetahui kandungan laporan itu kecuali Pendakwa Raya.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, bahawa laporan siasatan awal berkaitan dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim dipukul ketika ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan dihantar terus kepada Peguam Negara.

Mohtar berkata, Perdana Menteri membuat kenyataan yang benar kerana hanya Pendakwa Raya akan menerima laporan siasatan itu, bukan orang lain.

Katanya, Pendakwa Raya akan mengkajinya sebelum mengeluarkan arahan sama ada kes itu patut dibawa ke mahkamah atau sebaliknya.

"Setakat semalam, pejabat saya belum menerima laporan berkenaan," katanya.

Mohtar juga menjelaskan, pemandu lori, Khasiran Jamari, 27, dibebaskan tanpa dilepaskan daripada tuduhan membunuh empat anggota keluarga isterinya pada 7 Jun lalu, kerana kertas siasatan kes itu tidak lengkap.

Katanya, siasatan polis tidak lengkap kerana sebuah agensi belum menyiapkan laporan kimia berkaitan kes itu, termasuk punca kematian mangsa.

"Bagi kita, kes itu belum sedia untuk dibicarakan dan kita tidak mahu seseorang ditahan terlalu lama. Jika mana-mana agensi mengambil masa setahun untuk menyiapkan laporannya, begitu juga tempoh bagi mendakwa seseorang," katanya.

Pada 9 Oktober lalu, Majistret Mohamad Haldar Abdul Aziz, membebaskan Khasiran selepas mendengar permohonan pegawai pendakwa, Chif Inspektor David Chung Seng Yong, yang mendapat arahan DPP.

Khasiran dari Kampung Parit Wagiman, Benut, didakwa membunuh empat anggota keluarga isterinya di Kampung Parit Hussin, Lubok Sipat, Benut, dekat sini, pada 7 Jun lalu.

(END)